

UMP laksana OJS peringkat sistem pengurusan jurnal



Gambang, 30 Mei- Penerbit UMP dan Pusat Sitasi Malaysia (PSM) bekerjasama menganjurkan satu bengkel taklimat Penggunaan dan Pengendalian Open Journal System (OJS), baru-baru ini.

Bengkel yang dihadiri seramai 20 wakil editor jurnal fakulti itu, mendengar taklimat mengenai sistem pengurusan jurnal secara atas talian yang semakin mendapat perhatian di negara ini.

Pengarah Penerbit, Prof Madya Dr Mohd Ghani Awang berkata, penggunaan OJS di universiti ini adalah bertujuan untuk menggantikan sistem pengurusan jurnal yang sebelum ini menggunakan kaedah manual.



"Sebelum ini pengurusan jurnal dibuat melalui penghantaran emel semata-mata dan kaedah manual ini banyak kekurangan, terutamanya dari segi ketepatan masa. Ini kerana penerbitan jurnal adalah berkala dan tarikh penerbitannya perlu dipatuhi oleh editor. Ini juga merupakan faktor terbesar yang menyumbang kepada kegagalan

jurnal untuk diindeks dan penggunaan OJS di universiti ini diharap dapat menambahkan efisiensi penerbitan yang tepat pada tarikhnya bagi meningkatkan bilangan indeks jurnal,” katanya, di sini.



Mohd. Ghani berkata, kerjasama di antara pihaknya dengan PSM juga dilihat dapat memberi kesan yang positif pada masa akan datang berikutan badan terbabit bersedia untuk membantu editor jurnal fakulti dari segi teknikal dan latihan.

Katanya, pihaknya juga bersedia bekerjasama dengan PSM bagi membantu badan terbabit dalam usaha menggalakkan penerbitan jurnal di negara ini.

Disediakan Shalfarina Shahrman dari Penerbit UMP.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 03-06-2016, 09:18:34